

14 JUL 1999

Khalil-PAS

PAS SUDAH HILANG PUNCA, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata PAS kini sudah hilang punca sehingga terpaksa membangkitkan perkara pelik dan janji sensasi seperti mahu melelong Putrajaya dan membawa keluar Perlis dari Malaysia.

Katanya beliau berpendapat perkara itu berlaku kerana PAS sudah terlalu banyak berceramah sehingga tidak ada lagi modal untuk berkempen.

"Sepatutnya melawakpun tak boleh. Bagaimana kita boleh mengeluarkan sebahagian daripada Malaysia dari negara ini. Bagaimana kita semua boleh bertolak ansur dengan benda-benda yang macam itu," katanya kepda pemberita di Angkasapuri di sini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata PAS boleh membuat pelbagai janji berbentuk sensasi sekarang kerana sudah tahu ia tidak boleh membentuk kerajaan dan tidak perlu melaksanakan segala janjinya itu.

"PAS boleh berjanji apa sahaja, seperti mengeluarkan Perlis dari Malaysia, nak jual Putrajaya, dia lupa juga di Putrajaya pun ada masjid, takkan masjid pun dia nak lelong, nak jual. Barangkali dia tak berapa tengok apa yang ada di Putrajaya," katanya.

Mengenai edaran kaset SHIT, yang dikatakan memburukkan pemimpin negara dan menghalalkan pembunuhan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata pihak berkuasa perlu mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab dan menghentikan kegiatan itu.

"Mungkin peringkat awal dia nak cari sensasi tapi bila orang lain pula mengambil alih benda macam itu dan dijadikan sebagai kaset dan diedarkan sampai beribu-ribu, ia akan menjadi serius kerana kita tak tahu...jenis orang ini macam-macam dan ini kita tak boleh biarkan begitu sahaja," katanya.

Khalil juga tidak percaya pengagihan kerusi pilihan raya mengikut nisbah 48:48:48 di antara PAS, DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dapat dicapai.

"Bunyi pembahagianpun tak berapa meyakinkan kita kerana komposisi pengundi di setiap kawasan. Bagaimana kita boleh lakarkan dan mengatakan satu pertiga di sana, satu pertiga di sini, satu pertiga di situ kerana kaedah di tiap-tiap kawasan berbeza," katanya.

Beliau menganggap persetujuan mengenai agihan sama rata kerusi di antara ketiga-tiga parti pembangkang itu semata-mata bertujuan menunjukkan bahawa mereka sudah mencapai kata sepakat kerana Barisan Nasional telah mengatakan bahawa mereka tak akan boleh sepakat apalagi membentuk satu barisan dan menjadi kerajaan alternatif.

Mengenai usaha untuk memajukan industri perfileman, Khalil berharap satu badan sah yang dapat mewakili mereka yang terlibat dalam industri filem di negara ini dapat diwujudkan agar perbincangan dengan pihak berkuasa menjadi lebih mudah dan berkesan.

Beliau berharap pengeluaran filem dianggap sebagai satu punca pelaburan dan pengusahanya mengambil inisiatif mendapatkan sokongan kewangan daripada pelbagai pihak untuk dijadikan modal keseluruhan bagi pembikinan filem.

-- BERNAMA

AFY MAI